



[ MUSLIM... MODERAT... WARGA SINGAPURA ]

Muhammad Haniff Hassan



[ MUSLIM... MODERAT... WARGA SINGAPURA ]

oleh Muhammad Haniff Hassan

Buku ini diterbitkan oleh **PERDAUS**  
dan **Lembaga Pentadbir Masjid Al-Khair, 2003.**

Hakcipta kandungan dan penerbitan buku ini dimiliki bersama oleh PERDAUS dan Muhammad Haniff Hassan. Semua hakcipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Dilarang mengguna mana-mana bahagian, ilustrasi atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk tanpa izin.

Sila hubungi PERDAUS di:

Sekretariat PERDAUS  
125 Bedok North Road  
#01-115 Singapore 460125  
Email: [pr@perdaus.org.sg](mailto:pr@perdaus.org.sg)  
Tel : 64437805  
Fax : 62425347

Isi kandungan buku ini tidak semestinya merupakan pandangan rasmi PERDAUS dan Lembaga Pentadbir Masjid Al-Khair, kecuali dinyatakan sedemikian.

ISBN 981-04-9047-X

## **KANDUNGAN** ■■■

<b>PENGENALAN KEPADA PENULIS</b> .....	<b>v</b>
<b>PRA-KATA OLEH PENERBIT</b> .....	<b>vii</b>
<b>ALU-ALUAN OLEH MUIS</b> .....	<b>viii</b>
<b>PENDAHULUAN</b> .....	<b>x</b>
<b>BAHAGIAN 1 - DIMENSI DALAM ISU MODERAT MUSLIM</b> .....	<b>3</b>
<b>BAHAGIAN 2 - ENAM PRINSIP ASAS ISLAM MODERAT</b> .....	<b>8</b>
• Prinsip 1 - Berpegang Pada Jalan Yang Aman .....	<b>8</b>
• Prinsip 2 - Berpegang Kepada Prinsip Demokrasi .....	<b>11</b>
• Prinsip 3 - Mematuhi Undang-Undang .....	<b>15</b>
• Prinsip 4 - Mengambilkira Konteks & Persekitaran .....	<b>19</b>
• Prinsip 5 - Menghormati Orang Lain .....	<b>22</b>
• Prinsip 6 - Sentiasa Di Bawah Bimbingan Islam .....	<b>27</b>
<b>BAHAGIAN 3 - CIRI-CIRI KELEMBUTAN ISLAM</b> .....	<b>32</b>
• Halus & Lembut Dalam Dakwah .....	<b>32</b>
• Sifat Lembut Islam Dalam Jihad .....	<b>34</b>
• Kelembutan Islam Terhadap Golongan Yang Bermaksiat .....	<b>36</b>
• Ekstremisme Dicela .....	<b>37</b>
<b>PENUTUP</b> .....	<b>39</b>
<b>GLOSARI</b> .....	<b>41</b>



## ■■■ PENGENALAN KEPADA PENULIS ■■■

### **MUHAMMAD HANIFF B. HASSAN**

#### **Latarbelakang Pendidikan**

- *Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah & Undang-undang),  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993*
- Madrasah Aljunied Al-Islamiah, 1987
- Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah, 1979
- Griffith Primary School, 1977

#### **Pekerjaan**

- Pengurus, Sekretariat, PERDAUS (Kini)

#### **Penglibatan & Sumbangan**

- Ahli, Panel Penasihat Pendidikan Agama, MUIS 2003
- Ahli, Lembaga Penasihat Syariah, Keppel Insurance - SGM (Kini dikenali sebagai Lembaga Penasihat Syariah, HSBC Insurance) 2000 - sekarang
- Ahli, Jawatankuasa Pengurusan Madrasah Al-Irsyad, 1996 - sekarang
- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Ulama & Guru-guru Agama Singapura (PERGAS), 2001 - sekarang
- Pensyarah, Diploma Pengajian Al-Quran & As-Sunnah, AIM - PERDAUS (Kini)
- Penyunting & Penulis, Majalah At-Takwin, (Kini)
- Kounselor Agama bagi ruang Kemusykilan Agama, Berita Minggu (Kini)
- Penyumbang artikel bagi Berita Harian & Berita Minggu
- Lembaga Rayuan Syariah, 1997 – 2001
- Ahli, Jawatankuasa Pendidikan Awam, Jabatan Pembangunan Keluarga, MUIS, 2000

- Naib Pengerusi, Jawatankuasa Pembangunan Masjid Al-Istighfar, 1997 - 1999
- Ahli, Jawatankuasa Latihan Asatizah, Jabatan Pendidikan Agama, MUIS, 1996 - 1998

### **Bidang Pengkhususan**

- Pengurusan & pentadbiran organisasi
- Pengurusan madrasah sepenuh masa
- Pengurusan madrasah separuh masa
- Pendidikan jarak jauh bagi program pengajian Islam
- Pembangunan program latihan
- Perancangan & pengendalian bengkel latihan bagi lembaga masjid, belia dan aktivis organisasi Islam
- Kajian akademik
- Perancangan dakwah
- Undang-undang Islam
- Penulisan & penerbitan buku dan majalah

### **Buku-buku Yang Diterbitkan**

- *Pesanan Perjuangan*, terbitan PERDAUS, 2002
- *Noktah Hitam : Ajaran Sesat Di Singapura*, terbitan MUIS, 2001. Satu projek kerjasama antara MUIS dan PERDAUS
- *Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan & Perubatan*, terbitan PERDAUS, 2001

### **Kertas Seminar**

- *Pendidikan Islam Di Singapura*, Seminar Pendidikan Islam di Pusat Pengajian Tinggi ASEAN III, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia & Jabatan Agama Islam Melaka, Melaka, 2001.
- *Ajaran Sesat Di Singapura*, Seminar Ajaran Sesat Serantau, Kolej Ugama Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 2000.
- *Penerapan Fiqh Kontemporari Dalam Konteks Masyarakat Kosmopolitan Singapura*, Muzakarah Ulama II, MABIMS, Penang, 1997

■■■■ **PRA-KATA OLEH PENERBIT** ■■■■

PERDAUS dan Masjid Al-Khair amat bersyukur dan berbangga kerana dapat bekerjasama bagi menerbitkan buku ini.

Kami berharap inisiatif ini memberi sumbangan yang positif pada dua perkara berikut;

- a. Menyemarakkan bahan-bahan penulisan dalam isu-isu keagamaan tempatan dan memberi galakan pada penulis-penulis tempatan.
- b. Menyuburkan lagi semangat kerjasama di antara pelbagai badan-badan Islam setempat.

Kami berkeyakinan bahawa kedua perkara di atas adalah elemen penting bagi membantu masyarakat Islam Singapura untuk mencapai wawasan *Masyarakat Islam Yang Cemerlang*.

Kami berharap akan lebih banyak individu yang kehadapan untuk menyumbang bahan-bahan penulisan agama bagi bacaan masyarakat Islam Singapura, khususnya penulisan-penulisan yang berusaha untuk mengemukakan Islam dalam konteks Singapura.

Kami menyeru segenap lapisan masyarakat Islam Singapura agar menginsafi akan kepentingan ilmu bagi membangun masyarakat kita dan membaca sebagai kunci bagi ilmu pengetahuan.

Oleh itu, bacalah buku ini dengan nama Tuhan yang menciptakan.

**Sujadi Siswo**

Pengerusi, Lembaga Pentadbir Masjid Al-Khair

**Prof. Madya Abdul Wahab Abdul Rahman**

Naib Presiden I, PERDAUS



## ■■■ ALU-ALUAN OLEH MUIS ■■■

Para cendekiawan ilmu Logik berhujah bahawa seseorang itu tidak dapat menjatuhkan hukuman terhadap sesuatu perkara kecuali dia benar-benar jelas akan perkara berkenaan. Ini kerana sesuatu yang tidak jelas dan tidak diketahui, tidak boleh dihukum.

Walaupun tamadun dunia bersetuju dengan hujah tersebut, umat Islam terus dikaitkan dengan pelbagai label. Antaranya ialah fundamentalis, ekstremis, konservatif, tradisional dan baru-baru ini moderat. Kesemua ini dilakukan tanpa definisi yang jelas terhadap istilah-istilah berkenaan mengikut konteksnya.

Buku ini mengupas pelbagai persoalan sejajar dengan gagasan Al-Quran agar umat Islam menjadi *Ummatan Wasatan* atau umat pertengahan. Namun hakikatnya tafsiran moderat itu bersifat dinamik dari segi masa dan ruang. Ia juga adalah satu ukutara yang dikaitkan dengan pelbagai dimensi. Sesuai dengan sifatnya yang relatif, apa yang dinilai sebagai moderat oleh seseorang mungkin tidak sedemikian oleh orang lain. Lebih buruk lagi dalam mendefinisi atau menjelaskan istilah moderat, ia sering menimbulkan kekeliruan dan salah tanggap apabila ada sesetengah pihak menyalah-gunakannya dalam satu-satu konteks, situasi dan latar sosial.

Pembentangan dalam buku ini berpandukan prinsip-prinsip Islam dan Muslim moderat, berdasarkan lanskap dan realiti Singapura. Hujah Ustaz Mohammad Haniff menjangkau lebih daripada hanya mendefinisi dan menerangkan isu berkenaan. Beliau menyelongkar ke daerah yang kurang

diterokai sebelum ini. Penulisananya terserlah, mengadun aspek-aspek Islam, Muslim dan negara Singapura. Ia disulami dengan fabrik sosial, politik dan keagamaan sehingga menjadikan buku ini penuh dengan keindahan seni, makna dan perutusan.

Tidak semua pihak akan setuju dengan apa yang beliau tulis. Ada yang mungkin sukar menerima analisa dan pandangan beliau. Namun apa yang jelas, penulisan Ustaz Muhammad Haniff sering menyentak pemikiran, membuka ruang idea baru dan mencabar kita menilai semula secara kritikal, penafsiran awal isu-isu agama.

Sumbangan Ustaz Muhammad Haniff dalam ilmu pengetahuan sering bersifat segar dan kreatif. Enam prinsip dan hujah dalam buku ini perlu ditelaah sebagai karya seorang pemikir dengan kanta inteleknya bertaut kuat pada tradisi Islam tetapi pada waktu yang sama, mengupas realiti sekarang dan setempat. Walaupun beliau mendakwa prinsip tersebut bersifat tidak menyeluruh, ia sebenarnya membuka peluang untuk kajian lanjut dan mungkin sahaja menjadi satu benih bagi beberapa disertasi di masa akan datang.

Saya amat terharu dan merasa terhormat diberi peluang menulis alu-aluan untuk buku ini. Buku ini banyak membangkitkan isu-isu penting dan menyampaikan pesanan keamanan, kefahaman dan keharmonian dalam perhubungan. Saya ucapkan tahniah kepada Ustaz Muhammad Haniff, PERDAUS dan Lembaga Pentadbir Masjid Al-Khair kerana berjaya menerbitkan buku ini.

Semoga Allah memberkati usaha ini dan memberi ganjaran kepada penulis dan semua yang telah menyumbang bagi penerbitan buku ini.

**Dr. Albakri Ahmad**

Pengarah, Pembangunan Agama dan Kajian  
Majlis Ugama Islam Singapura

## ■■■ PENDAHULUAN ■■■

Segala puji bagi Allah taala. Selawat dan salam kepada Rasulullah s.a.w dan kepada ahli keluarganya dan sekalian sahabat serta mereka menjejaki jalannya.

Isu Muslim Moderat bukan lagi satu isu dalaman masyarakat Islam sahaja. Hari ini, masyarakat bukan Islam juga mempunyai kepentingan di dalam isu berkenaan. Setelah insiden 911, isu Muslim Moderat membabitkan persoalan kesejahteraan hidup masyarakat bukan Islam, pembangunan ekonomi dan penakatan sebuah negara atau bangsa.

Maka tidak hairanlah mereka turut aktif dalam membincangkannya. Oleh kerana mereka mempunyai kepentingan yang besar dalam isu ini, maka tidak hairan juga jika mereka turut mahu mencorak dan mewarna erti dan bentuk Muslim Moderat.

Dalam situasi seperti ini, jika masyarakat Islam tidak mendahului atau terkehadapan dalam mengemukakan gagasan Islam yang moderat, kekosongan itu akan diisi oleh orang lain.

Sesungguhnya diri ini adalah kerdil untuk mengemukakan satu pemikiran yang komprehensif dalam persoalan ini. Namun atas dasar 'Apa yang tidak dapat dilakukan semua, yang sedikit jangan pula ditinggalkan', buku kecil ini dihasilkan.

Ia bukan bertujuan untuk memberi gambaran yang menyeluruh dalam isu Muslim Moderat tetapi ia bertujuan untuk membuka lebih luas ruang

perbincangan, memperkayakan yang sedia ada dan meletakkan dasar penting untuk langkah ke hadapan.

Penulis mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di PERDAUS yang memudahkan penulisan ini, kenalan-kenalan lain yang turut memberi pandangan dan galakan dan ibu, bapa, isteri, anak-anak, abang-abang, kakak-kakak dan adik yang sentiasa memberi sokongan dan doa.

Semoga usaha ini diberkati dan memberi manfaat.

**Muhammad Haniff Hassan**

2003



MUSLIM... MODERAT... WARGA SINGAPURA



# BAHAGIAN 1

## ■■■ DIMENSI DALAM ISU MUSLIM MODERAT ■■■

Berikutan dengan insiden 911 dan pembongkaran rancangan Jemaah Islamiyah (JI) dan penangkapan ahli-ahlinya, isu Muslim Moderat ditimbulkan oleh pelbagai pihak.

Pada rapat umum Hari Kebangsaan tahun 2002, Perdana Menteri Singapura, En Goh Chok Tong sendiri bercakap mengenainya. Isu itu terus dibincangkan sesudah itu sehingga hari ini.

Kesemua ini menguatkan lagi kepentingan untuk badan-badan Islam membina konsensus terhadap beberapa isu penting seperti erti Muslim Moderat dan prinsip kita dalam menjaga kehormonian sosial serta integrasi nasional. Tujuannya ialah agar badan-badan ini secara sepakat dapat pula keluar kepada masyarakat bagi membimbing mereka.

Walau pun rata-rata, kita akan mengatakan bahawa umumnya umat Islam Singapura telah pun mengamalkan Islam secara sederhana tetapi kita tidak boleh mengandaikan bahawa kesemua umat Islam memahami erti sederhana dan lebih penting lagi masyarakat bukan Islam juga memahami erti kesederhanaan yang kita maksudkan. Kewujudan anasir seperti JI dan golongan yang tidak mahu makan bersama dengan orang bukan Islam yang dihidangkan babi dan arak serta pandangan serong masyarakat bukan Islam terhadap tudung sebagai simbol kejumudan dan ekstrem serta kejahilan mereka terhadap amalan yang menjadi lumrah dan kebiasaan bagi mana-mana muslim adalah antara petanda jurang kefahaman yang ada.



Adalah ditakuti, jika badan-badan Islam yang ada, yang telah sedia diakui kesederhanaannya, gagal untuk memberi erti yang jelas terhadap isu Muslim Moderat, orang lain pula yang akan mendefinisikan ke atas kita. Selain itu, tanpa definisi ini pula sukarlah kita untuk secara objektif menentukan siapakah yang moderat dan siapakah yang melampau. Adalah ditakuti, jika yang moderat dilihat sebagai pelampau dan yang melampau pula diterima sebagai moderat.

Berikut adalah beberapa noktah dalam membicarakan Islam Moderat sebelum kita tiba kepada konsensus.

Pertama, Islam Moderat haruslah dipandu oleh prinsip Islam dan konteks masyarakat Singapura. Ia bukan Islam Indonesia (*Abangan* dll) atau Islam di Turki tetapi ia adalah Islam yang berakar pada prinsipnya dan kontekstual dengan realiti Singapura. Ia samalah dengan amalan demokrasi di Singapura. Ia tidak boleh demokrasi ala Amerika atau ala Eropah tetapi demokrasi yang sesuai dengan konteks Singapura sendiri. Hari ini walau pun, Singapura sudah 37 tahun merdeka tetapi ia masih belum lagi mempunyai identiti nasional yang mantap. Demikianlah umat Islam Singapura, ia juga berada dalam proses membangun erti *Muslim Singaporean*. Walau bagaimana pun, dengan perkembangan terkini adalah diakur bahawa usaha untuk menjelaskan erti *Muslim Singaporean* adalah perlu dipercepatkan.

Kedua, Islam Moderat mesti menerima kemodenan tetapi kita tidak dapat menerima pengertian atau model Islam era *Kamal Ataturk* atau model *Abangan* Indonesia. Hakikatnya umat Islam di Turki pun telah berubah dari model *Kamal Ataturk* kepada asal sebenar agamanya. Lihat sahaja pada kemenangan Parti Refah dan kekuasaan *Erbakan* melalui proses demokrasi yang kemudiannya hanya dijatuhkan oleh tentera yang kononnya moderat.

Jika umat Islam umumnya menerima model ala *Kamal Ataturk* atau

*Abangan* Indonesia, sepatutnya tidaklah perlu wujud arus kebangkitan atau reformasi dalam agama kerana inti pati dari kebangkitan Islam ialah penolakan kepada model sedemikian disebabkan tidak sejajar dengan ajaran Islam arusutama.

Malangnya dalam berpaling dari model sedemikian, sebahagian umat Islam terbawa pula ke aliran yang melampau. Ini juga tidak seharusnya diterima.

Masyarakat bukan Islam haruslah faham realiti ini juga, dalam menghadapi kebangkitan Islam. Oleh itu, mengharapkan umat Islam mencontohi model *Kamal Ataturk* dan *Abangan* atau yang seumpama dengannya adalah tidak realistik dengan dinamika kebangkitan Islam.

Jika masyarakat bukan Islam menerima bahawa kebangkitan Islam adalah satu realiti yang tidak akan tertahan, maka mereka juga harus menerima bahawa umat Islam tidak akan kembali kepada amalan Islam ala *Kamal Ataturk* dan *Abangan* dan tidak akan mahu hidup seperti itu lagi. Persoalannya ialah dalam mereka berpindah dari model sedemikian, di manakah titik kesederhanaan untuk mereka berhenti di situ?

Ketiga, apa pun usaha untuk mendefinisi Muslim Moderat, kita tidak akan dapat menghasilkan satu Muslim Moderat yang homogenus. Oleh itu, apabila berlaku perselisihan dalam sesuatu isu, perlulah dikenalpasti samada ia adalah perselisihan antara sesama Muslim Moderat atau antara Muslim Moderat dan pelampau.

Keempat, golongan sederhana ialah yang berada di tengah antara dua ekstrem. Golongan ekstrem ialah yang berada di salah satu hujung. Ekstrem pertama ialah yang melampau dengan sifat kekerasan dan ekstrem kedua ialah melampau dengan sifat memudahkan. Oleh itu, golongan pelampau bukan hanya yang ganas tetapi juga yang memudahkan-mudahkan dalam amalan agama. Hakikat ini dapat dilihat dalam firman

Allah taala yang bermaksud:

“Dan demikianlah Kami jadikan kamu satu umat pertengahan agar kamu menjadi saksi kepada manusia semuanya dan Rasul menjadi saksi ke atas kamu sebagai saksi.” (Al-Baqarah : 143)

Kelima, masyarakat perlulah membezakan antara mereka yang mempunyai pandangan yang ekstrem sahaja tetapi mengemukakan ia melalui saluran-saluran demokrasi dan undang-undang dengan golongan yang membuat tindakan ekstrem. Kedua-dua ini perlulah dilayan secara berbeza. Mereka yang mempunyai pandangan yang ekstrem tetapi masih mematuhi undang-undang dan bertindak atas lunas demokrasi perlu dihadapi dengan dialog dan *engagement* sehingga hujahnya dikalahkan dan pengaruhnya mati. Adalah tidak wajar kelompok ini, dilayan sama seperti mereka yang bertindak secara ekstrem kerana ia bercanggah dengan amalan demokrasi dan merupakan tindakan bersifat diktator.

Para ulama dahulu mereka sentiasa berpegang kepada sikap keterbukaan dalam berpandangan. Begitu terbuka sehingga mazhab *Muktazilah* mampu mengambil alih mazhab Ahli Sunnah sebagai mazhab rasmi pemerintahan Abbasiyah. Dalam menghadapi situasi sedemikian pula, ulama-ulama Islam tidak membuat tindakan ganas dan kasar untuk mengalahkan mazhab *Muktazilah*. Sebaliknya mereka berdebat, berhujah dan mendidik masyarakat sehingga mazhab itu ditewaskan dan Ahli Sunnah kembali menjadi mazhab rasmi.

Keenam, kelompok yang berpandangan sederhana juga boleh jatuh dalam tindakan yang ekstrem. Ini boleh berlaku jika pandangan sederhananya itu cuba dijuarai atau cuba mengalahkan lawannya dengan tindakan yang ganas atau kasar. Umpamanya kelompok sekular yang menggunakan kuasa yang ada ditangan mereka untuk menahan hak yang pasti bagi seseorang. Hakikat ini boleh dilihat dengan tindakan kelompok tentera yang menghalang kekuasaan kumpulan Islam di Algeria dan juga reaksi kelompok tentera Turki terhadap kekuasaan Parti Refah

yang diketuai oleh Prof. *Erbakan* melalui proses demokrasi.

Ketujuh, pelampauan bukanlah fenomena yang wujud di kalangan umat Islam sahaja. Hatta golongan sekular pun, ada yang melampau. Seringkali kelompok sekular yang melampau ini terlepas dari hukuman atas pelampauan mereka semata-mata kerana dominasi politik atau kekuatan yang mereka ada. Ini pastinya menyebabkan kekecewaan golongan Muslim Moderat. Sebahagian dari mereka lalu memilih pula kekerasan sebagai tindak balas. Yang pahitnya, tindak balas yang keras itu dikutuk tetapi sebab disebaliknya tidak pernah mendapat hukuman yang adil.

Kelapan, dalam mendefinisikan golongan sederhana, kita perlu menyenaraikan karakteristik atau prinsip-prinsip mereka. Antara karakteristik dan prinsip yang boleh dikaji ialah;

- Berpegang dengan cara yang aman dan damai.
- Berpegang pada prinsip demokrasi.
- Mematuhi undang-undang.
- Mengambil kira konteks persekitaran.
- Menghormati hak dan pendirian orang lain.
- Bersandarkan pada ajaran Islam yang muktabar.

Isu Islam Moderat ini akan menjadi penting melihat akan unjuran masa akan datang dan isu-isu yang umat Islam Singapura perlu hadapi. Adalah dijangka, umat Islam Singapura akan terpanggil lagi di masa akan datang untuk membuat pendirian terhadap pelaksanaan syariah (*hudud*) dan penegakan negara Islam.

Atas prinsip Islam Moderat ini juga umat Islam Singapura akan dapat menjelaskan konsep integrasi nasional, keharmonian sosial, pembangunan negara dan jati Singapura yang sentiasa menjadi persoalan tidak bersetuju, kita akan menjunjung prinsip proses yang aman, mengikut undang-undang dan menjaga keharmonian masyarakat.

# BAHAGIAN 2

## ENAM PRINSIP ASAS ISLAM MODERAT

### Prinsip 1 : Berpegang Pada Jalan Yang Aman

Salah satu prinsip pegangan dakwah kita ialah untuk menjunjung tinggi keamanan dan mengutamakan jalan yang aman, agar berada di atas garis sederhana.

Kita berpegang dengan prinsip ini berdasarkan pada hujah-hujah berikut

1. Islam itu dari segi namanya membawa erti kesejahteraan dan aman. Kekerasan pula tidak sejajar dengan nama tersebut.

2. Rasulullah s.a.w diutus untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Tidak Aku mengutus kau (Muhammad) kecuali sebagai rahmat bagi sekalian alam.” (Al-Anbiya’ : 107)*

Kekerasan tidak sejajar dengan pengertian yang wujud dalam perkataan rahmat.

3. Allah taala memerintahkan Rasulullah s.a.w untuk mengutamakan perdamaian dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka cenderunglah kepadanya dan bertawakkal kepada Allah taala.” ( Al-Anfaal : 61)*

4. Kekerasan tidak sesuai dengan fitrah manusia. Allah taala melarang sifat sedemikian dari RasulNya dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Jika engkau kasar dan keras hati, nescaya mereka akan lari dari kau, maka maafkanlah mereka dan pohonkan keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka.” (Ali-Imran : 159)*

Rasulullah s.a.w juga mengingatkan umatnya dengan peringatan yang sama dalam sabdanya yang bermaksud:

*“Berikanlah berita gembira dan jangan menjadikan mereka lari, permudahkanlah dan jangan persulitkan.” (Riwayat Muslim)*

5. Rasulullah s.a.w sentiasa diajar untuk membalas kejahatan dengan kebaikan. Kekerasan pula berlawanan dengan anjuran ini. Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Tidak sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah dengan sesuatu yang lebih baik. Sehingga (dia) yang (ada) di antara kamu dan dia, permusuhan (tiba-tiba) menjadi teman yang rapat.” (Fussilat : 34)*

6. Kekerasan banyak menimbulkan kesulitan, kepayahan dan hanya akan menyusahkan diri sendiri. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*“Sesungguhnya agama ini mudah dan seseorang itu tidak mempersulitkan agama kecuali dia akan dikalahkan olehnya.” (Riwayat Al-Bukhari)*

7. Rasulullah s.a.w sendiri menegakkan Madinah melalui proses dakwah yang aman.

8. Islam akan lebih mudah tersebar dalam suasana yang aman. Ini

terbukti apabila jumlah manusia yang masuk Islam setelah Perjanjian Hudaibiyah sebelumnya (19 tahun setelah perutusan Rasulullah s.a.w).

9. Sejarah juga membuktikan bahawa Islam tetap berpotensi untuk disebar secara aman seperti yang berlaku di kepulauan Melayu dan Cina.

Oleh itu, selama mana ada jalan dan cara yang aman untuk melakukan dakwah, kita harus mengutamakan dari apa jua bentuk kekerasan, apatah lagi keganasan.

Walau bagaimana pun, pendirian ini tidak seharusnya menjadikan kita kelompok yang menolak jihad, samada dalam erti yang luas atau khusus. Kita tetap beriman bahawa jihad adalah sebahagian dari syariat Islam kerana Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Dan perangilah di jalan Allah mereka yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampau.” (Al-Baqarah : 190)*

Kita percaya bahawa jihad kemuncak amal dalam Islam kerana Rasulullah s.a.w bersabda:

*“Dan puncaknya (Islam) ialah jihad.” (Riwayat At-Turmuzi)*

Kita beriman bahawa mereka yang berjihad mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah taala kerana Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Tidak sama orang mukmin yang tidak turut berperang yang tidak mempunyai uzur dengan orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwa mereka atas orang-orang yang duduk satu darjat.” (An-Nisa' : 95)*

Kita juga tidak akan sama sekali lengah untuk mempersiapkan diri

untuk berjihad kerana Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Dan persiapkan untuk mereka apa yang kamu mampu dari kekuatan.”*  
(Al-Anfaal : 60)

Namun, dalam memilih wasilah perjuangan, pertimbangan kita bukan hanya terletak kepada kemuliaan wasilah itu tetapi juga kesesuaiannya di pandang dari pelbagai pertimbangan syara'. Apabila kita bercakap mengenai jihad, kita juga tidak melihatnya dalam erti kata memerangi golongan bukan Islam tetapi menegak keadilan dan membanteras kezaliman. Ertinya, jika negara ini diserang atas sebab yang zalim, maka semangat jihad kita akan mendorong untuk bersama mempertahankannya. Jika ada mana-mana kaum dizalimi atas dasar perkauman, semangat jihad kita akan mendorong untuk membela mereka.

Pendirian kita ini serupa dengan konsep Pertahanan Mutlak negara ini. Yang mana, pemerintah akan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan apa jua masalah dan konflik melalui saluran yang aman namun akan sentiasa bersedia untuk mempertahankan negara dari serangan luar.

Oleh itu, komitmen kita kepada wasilah dakwah yang aman dan jihad tidak bercanggah. Kita tidak pula mengancam mana-mana pihak, kecuali mereka yang zalim yang ingin menjejaki jalan Milosevic.

Di antara jihad (perang) dan damai, kita juga diajar oleh para ulama bahawa kita tidak boleh melakukan sesuatu yang menyebabkan *mudarat* yang lebih besar atau kemunkaran yang lebih besar dalam menjalankan tanggungjawab dakwah.

## **Prinsip 2 : Berpegang Kepada Prinsip Demokrasi**

Salah satu dari prinsip dakwah kita dalam konteks Singapura ialah komitmen kepada sistem demokrasi.



Adalah penting bagi kita memahami hujah disebalik komitmen ini kerana di luar sana terdapat pelbagai pandangan, hatta dari kalangan ulama, yang mengkritik dan menolak pendirian seperti ini. Ketidakjelasan terhadap kenapa dan mengapa hanya akan menyebabkan kekeliruan dan kebingungan. Sedangkan dakwah yang berkesan mesti didorong oleh keyakinan berdasarkan kefahaman yang benar.

Apakah dia intipati (*substance*) dan karakteristik demokrasi? Di dalam buku *Introduction to Political Science* oleh Rodee, Anderson, Christol dan Greene, McGraw Hill International Edition, Fourth Edition, 1983, ms 139 ditulis:

*“The broadening acceptance of the democratic philosophy led to idealization of the role of public opinion in a representative democracy. According to this idealized view; (1) the public was interested in making the laws of the land; (2) the public was informed (3) it would deliberate and reach rational conclusions; (4) rationally conceived individual opinions would tend to be held uniformly throughout the social order; (5) the public, would make its will known at the polls and elsewhere; (6) the public’s will or at least the views of majority would be enacted into law; and (7) continued surveillance and constant criticism would ensure the maintenance of an enlightened public opinion and consequently a public policy based upon the principles of social morality and justice.”*

Sistem yang mendokong perkara-perkara di atas dalam konteks Singapura ialah (1) sistem pilihanraya umum yang memberi hak kepada rakyat untuk memilih wakil mereka atau pemerintah; (2) pemerintahan yang dipilih (*representative government*); (3) saluran-saluran komunikasi dan konsultasi antara pemerintah / wakil rakyat dan rakyat seperti Unit Maklumbalas, sesi *Meet The People Session*, *Speakers’ Corner*, media massa yang ‘bebas’; (4) sistem pemerintahan berparlimen dan pembahagian kuasa kepada eksekutif, kehakiman dan legislatif; (5)

perlembagaan yang menjamin kebebasan individu atau hak asasi manusia yang asas.

Jika kita meletakkan kesemua itu dalam penilaian Islam kita akan dapati bahawa konsep yang paling dekat kepada demokrasi ialah *syura* – konsep permesyuaratan – dalam membuat keputusan seperti mana yang dinyatakan oleh Allah taala dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Dan urusan mereka, (diputuskan oleh) permesyuaratan di antara mereka.” (Asy-Syura : 38) dan “Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam sesuatu urusan.” (Ali-Imran : 159).*

Kepentingan *syura* ini dipertegaskan dalam sebuah hadits bahawa Ali r.a berkata:

*“Wahai Rasulullah! Akan datang kepada kami sesuatu perkara setelah masa kamu yang Al-Quran tidak turun mengenainya dan tidak didengar hadits tentangnya’. Rasulullah s.a.w menjawab yang bermaksud ‘Kumpulkan ahli ibadat dari umatku untuknya (perkara itu), jadikan perkara itu permesyuaratan antara kamu dan jangan kam putuskan mengenainya dengan pendapat seorang sahaja’.” (Riwayat Al-Khatib, Ad-Dur Al-Mantsur oleh As-Suyuti, jld 10, ms 6)*

Selain itu ialah perbuatan beliau s.a.w dalam memilih tempat bagi tentera semasa Perang Badr dan keputusan untuk keluar dari Madinah bagi melawan musuh di Perang Uhud.

Dari sudut konsep, yang membezakan *syura* dan demokrasi hanyalah terletak kepada seberapa luas kuasa rakyat atau manusia bagi membuat keputusan atau undang-undang. Manakala *syura* dalam Islam hanya dibenarkan dalam perkara yang tidak ada hukum yang *qat’ii* dan tidak bercanggah dengan prinsip yang terkandung Al-Quran dan As-Sunnah – pengiktirafan terhadap kedaulatan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai

'perlembagaan' hidup. Sedangkan demokrasi memberi hak mutlak sepenuhnya kepada rakyat atau manusia – apa sahaja boleh diperundangkan jika mendapat persetujuan sekurang-kurangnya majoriti rakyat walau pun bagi membenarkan perkahwinan sejenis.

Adapun dari segi sistem, Al-Quran dan As-Sunnah tidak menetapkan satu sistem yang khusus bagi pelaksanaan *syura*. Ini bertujuan bagi memberi keanjalan dan kebebasan kepada manusia untuk membangun sistem yang sesuai asal sahaja memenuhi prinsip permesyuaratan, keadilan dan efisien. Oleh itu, tokoh Islam kontemporari menerima sistem demokrasi berparlimen hari ini sebagai sistem yang sah sebagai alternatif bagi sistem *Ahlul Halli Wal 'Aqdi* yang dikemukakan oleh ulama dahulu. Hal ini adalah kerana sistem berparlimen boleh memenuhi keperluan *syura* dan kerana ia adalah '*urf* (adat) yang telah diterima.

Disebabkan dekatnya demokrasi dan sistem *syura*, kita menerima bahawa ia adalah sistem yang terbaik untuk dakwah dan memajukan Islam. Hal ini jatuh dalam kaedah *Akhaf Ad-Dhararain* (memilih *mudarat* yang lebih ringan dari yang lain). Adapun percanggahan antara demokrasi dan *syura*, maka sikap kita ialah menolak kuasa mutlak manusia tetapi kita juga mengakui bahawa hakikat ini turut boleh diubah melalui proses demokrasi yang tulen. Dalam Islam, ada kemunkaran yang tidak dapat diubah kecuali apabila seseorang itu berkuasa. Maka begitulah juga kemunkaran ini.

Komitmen kita kepada demokrasi diperkuatkan lagi oleh ajaran Islam yang mencela penguasa yang zalim, kuku besi dan diktator sebagaimana yang ditunjukkan oleh Al-Quran mengenai kisah Firaun, Namrud, *Ashabul Ukhdu* dan *Ashabul Kahfi*. Rasulullah s.a.w pula bersabda yang bermaksud:

*"Sebaik-baik para pemimpin kamu ialah yang kalian mencintai mereka dan mereka mencintai kalian, yang kalian mendoakan mereka dan*

*mereka mendoakan kalian, dan seburuk-buruk para pemimpin kalian adalah yang kalian membenci mereka dan mereka membenci kalian, yang kalian mengutuk mereka dan mereka mengutuk kalian.” (Riwayat Muslim)*

Tidak dinafikan bahawa perkara yang dinyatakan di atas mempunyai kritikan dari pelbagai pihak dalam Islam. Bagi kita, ini adalah wajar kerana satu hakikat, bahawa Islam tidak meletakkan satu sistem pemerintahan yang tertentu. Hatta para sahabat sendiri berbeza dalam cara pemilihan khalifah. Apa yang penting ditegakkan di sini ialah pendirian kita bukan satu pendirian yang tidak berdasar dalam Islam. Perkara ini adalah bidang yang diikhtilafkan oleh para ulama, maka kita menghormati pandangan orang lain dan berharap agar orang lain juga menghormati kita.

Dr Yusuf Al-Qaradhawi dalam bukunya *Fiqh Daulah: Dalam Perspektif Al-Quran dan As-Sunnah* ms 192-193, 205, menulis:

*“Kami berpendapat tidak ada salahnya jika kita mengambil pelajaran dari sistem demokrasi, sebagai alat untuk mewujudkan keadilan dan syura, menghormati hak-hak manusia dan menghalang langkah para tiran (tyrant) di muka bumi. Di antara kaedah penetapan hukum yang sudah berlaku ialah ‘Apabila yang wajib tidak boleh menjadi sempurna kecuali dengan sesuatu, maka sesuatu itu pun hukumnya menjadi wajib’. Di samping itu, tujuan-tujuan syariat yang dituntut suatu alat untuk mewujudkannya, maka alat itu termasuk dalam hukum tujuan itu. Tidak ada satu pun ketetapan syariat yang berisi larangan mengambil pemikiran maupun penyelesaian yang praktis dari non-muslim. .... Dengan begitu, syura Islam serupa dengan ruh demokrasi atau boleh kau katakan intipati demokrasi serupa dengan ruh syura Islam.”*

### **Prinsip 3 : Mematuhi Undang-Undang**

Selain mematuhi syara’ dakwah kita jua mesti sentiasa dioperasikan

mengikuti lunas undang-undang di mana pun ia berada. Hal ini adalah kerana Islam mengutamakan tertib dalam pelbagai perkara. Banyak dari ibadat kita yang tidak sah jika tidak dilakukan secara tertib seperti solat dan berwudhu’.

Allah taala melarang umat Islam dari melampau dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu melampau.” (Al-Baqarah : 190)*

Perkataan ‘*ta`taduu*’ (melampau) ditafsirkan pula dalam firman Allah taala yang bermaksud:

*“Dan itu adalah batas-batas (syariat) Allah, janganlah kamu melampauinya (melanggar).” (Al-Baqarah : 229).*

Walau pun, ayat ini merujuk kepada larangan melanggar syariat Allah taala, namun aplikasinya dalam konteks undang-undang negara tetap relevan berdasarkan;

a. jika undang-undang itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan prinsipnya seperti mematuhi undang-undang jalanraya.

b. jika undang-undang itu bercanggah dengan ajaran Islam tetapi menghormatinya dan menegakkannya memberi *maslahat* kepada masyarakat seperti kebanyakan undang-undang jenayah yang ada. Walau pun undang-undang berkaitan mencuri tidak menepati kehendak syariat Islam, namun ini tidak bermakna kita mesti mengabaikan atau tidak menegakkannya kerana yang demikian akan menimbulkan *mudarat* yang lebih besar.

Dalam konteks amalan kenegaraan hari ini, apabila seseorang menerima untuk menjadi rakyat sebuah negara maka dia sebenarnya

telah bersetuju untuk mengikat kontrak dengan negara berkenaan yang antaranya menuntut dirinya untuk mematuhi undang-undang. Oleh itu, mematuhi undang-undang termasuklah dalam keumuman perintah Allah taala yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang beriman! Tunaikanlah kontrak-kontrak kamu.” (Al-Maidah : 1)*

dan firmanNya lagi yang bermaksud:

*“Dan mereka yang menunaikan janji, apabila berjanji.” (Al-Baqarah : 177)*

Memang benar, tidak semua undang-undang yang ada di kebanyakan negara hari ini dan falsafahnya sesuai dengan ajaran Islam, namun ia tidak memberi kita justifikasi untuk menolak keseluruhan undang-undang yang ada atau hidup ‘ikut suka kita sahaja’.

Dalam konteks dakwah di Singapura, kegagalan umat Islam untuk beroperasi berlandaskan undang-undang negara hanya akan menimbulkan persepsi yang buruk di mata golongan bukan Islam serta mungkin memburukkan lagi tanggapan mengenai kesetiaan mereka. Sedangkan umat Islam sepatutnya menjadi contoh yang baik agar diteladani dan dihormati oleh orang lain.

Satu aspek berkaitan dakwah dan undang-undang negara ialah persoalan undang-undang, dasar dan polisi negara sebagai sasaran perubahan. Dalam hal ini, perlulah kita membeza-bezakan undang-undang yang ada seperti mana yang dinyatakan di atas. Namun ini tidak bermakna bahwa umat Islam harus berdiam diri terhadap semua undang-undang yang ada dan bercanggah dengan syariat. Apa juga yang bercanggah dengan syariat adalah satu munkar yang kita bertanggungjawab untuk mengubahnya dengan tangan atau lidah dan paling minimum, ialah dengana hati. Persoalannya ialah bagaimana?

Maka apa yang perlu diperhatikan ialah menilai secara keseluruhan mana yang paling utama untuk ditangani berdasarkan pertimbangan masalah, *mudarat*, realiti, kemampuan dan keseluruhan senario dakwah yang ada. Ini pula dilakukan melalui proses permesyuaratan antara institusi kepimpinan agama rasmi dan golongan agamawan. Kalau diperhatikan secara teliti undang-undang yang bercanggah dengan syariat juga tidak sejenis dan perlu ditangani secara berbeza-beza.

Beberapa aspek dalam undang-undang jenayah di Singapura misalnya, walau pun tidak bersesuaian dengan syariat atau *Hudud* tetapi mengubahnya adalah satu perkara yang jauh dari kemampuan dan realiti dakwah yang ada. Menimbulkannya hanya akan membuang sumber-sumber dakwah ke satu sasaran yang jauh untuk tercapai berdasarkan hukum logik biasa. Di samping itu ia hanya akan menimbulkan tentangan keras dan menyulitkan lagi aktiviti dakwah dan pengamalan Islam masyarakat. Mengabaikannya dan tidak menegakkannya pula hanya akan menimbulkan masalah sosial yang akan turut menjejaskan masyarakat Islam juga.

Ada pula perkara-perkara dalam kehidupan umat Islam di Singapura yang di atasi bukan dengan mengubah atau menghapus undang-undang yang bercanggah dengan syariat seperti undang-undang perbankan dan kewangan tetapi dilakukan dengan mewujudkan alternatif dalam bentuk institusi. Dengan alternatif ini, umat Islam dalam melepaskan dirinya dari amalan yang bercanggah dengan syariat, disamping menunjukkan keindahan Islam dalam bentuk institusi yang baik dan berjaya.

Namun sememangnya akan ada undang-undang dan aturan yang menyebabkan umat Islam melakukan sesuatu yang bercanggah dengan syariat dan perlu di atasi dengan mengubah undang-undang dan aturan berkenaan. Satu contoh sebagai renungan ialah aturan yang tidak membenarkan memakai tudung di sekolah pemerintah.

Ada pula undang-undang yang bukan hanya akan menjejaskan secara negatif terhadap masyarakat Islam tetapi juga masyarakat bukan Islam seperti undang-undang dan dasar berkaitan judi dan hiburan. Yang seperti ini, pastinya memerlukan penglibatan dan tindakan dalam usaha dakwah tetapi tindakan itu sendiri tidak boleh dilakukan dengan tidak mengambil peduli peraturan dan undang-undang. Lebih tidak wajar lagi, jika dilakukan secara kekerasan dan ganas.

Walau bagaimana pun, perlulah diingat bahawa memastikan tindakan kita sesuai dengan undang-undang dan hak kita dari segi undang-undang untuk melakukan tindakan berkenaan bukan satu-satunya pertimbangan yang perlu diambil kira. Satu perkara yang dilakukan sesuai dengan undang-undang dan dijamin oleh undang-undang tidak bermakna melakukannya merupakan satu perkara yang bijaksana dan wajar kerana kebijaksanaan dan kewajaran sesuatu perkara perlu dilihat berdasarkan faktor-faktor lain juga.

Dalam keadaan realiti kehidupan yang jauh dari kesesuaian dengan syariat dan kita belum berupaya untuk mengubahnya, maka iringkan dengan rasa benci dalam hati. Jika tidak, maka ditakuti tidak terbaki lagi iman dalam diri.

#### **Prinsip 4 : Mengambil kira Konteks & Persekitaran**

Dakwah mesti dilaksanakan mengikut ekologiinya. Ekologi bermaksud persekitaran dan hubungannya dengan organisme yang hidup; satu cabang sains biologi berkaitan hubungan antara organisme yang hidup dan persekitarannya.

Dasar dalam persoalan ini ialah pendirian semua ulama yang mengatakan bahawa fatwa dan *ijtihad* mestilah dilakukan mengikut realiti dan keadaan asal sahaja sejajar dengan prinsip dan metodologi yang muktabar di sisi ulama.



Untuk menjalankan dakwah mengikut ekologi yang sesuai memerlukan apresiasi dan kefahaman akan ekologi di mana kita berada. Pasti sekali di sana terdapat pelbagai elemen dan organisme yang berperanan dalam ekologi ini. Oleh itu, kita perlu pula menentukan dalam sekian banyak elemen itu yang manakah yang paling berperanan atau signifikan sehingga pengabaian terhadapnya boleh menyebabkan hilangnya *maslahat* dan timbulnya *mudarat*.

Setelah kita mengenali elemen-elemen penting ini pula, kita harus pula meletakkan setiap satu darinya di atas neraca Islam untuk dipertimbangkan akan prinsip atau *siyasah syar'iyah*. Prinsip-prinsip ini berperanan untuk memandu umat Islam untuk menjalankan dakwah dengan perkiraan elemen dalam ekologinya atau keseluruhan ekologi itu.

Sebagai contoh, jika kita menerima bahawa salah satu elemen dalam ekologi dakwah ialah keminoritian masyarakat Islam di Singapura. Dalam meletakkan elemen ini di neraca Islam, kita melahirkan prinsip-prinsip pelaksanaan dakwah bagi masyarakat minoriti di Singapura.

Lalu apakah elemen-elemen penting yang membentuk ekologi dakwah di Singapura? Ini adalah satu soalan yang sukar untuk dijawab kerana ia memerlukan penelitian dan kajian yang mendalam. Untuk menerangkannya juga memerlukan ruang yang luas dan penulisan yang panjang.

Walau bagaimana pun, sehingga satu konsensus atau penelitian rapi dapat dilakukan, beberapa elemen berikut boleh dipertimbangkan

1. Masyarakat Islam adalah minoriti yang berjumlah sekitar 400,000 atau 15% dari jumlah penduduk Singapura. Walau bagaimana pun, masyarakat Islam juga adalah minoriti terbesar.

2. Majoriti masyarakat Islam Singapura adalah berbangsa Melayu berbeza dengan masyarakat Islam minoriti di Amerika atau Eropah yang terdiri dari bangsa yang berbeza dari segi budaya dan geografi asalnya.
3. Komposisi penduduk Singapura didominasi oleh etnik Cina yang beragama Buddha.
4. Sistem pemerintahan yang berdasarkan prinsip demokrasi. Secara umum rakyat mempunyai kebebasan. Walau apa pun kritikan kita terhadap sistem demokrasi dan pemerintahan yang ada, jelas juga bahawa rakyat dan masyarakat Islam khususnya bukan hidup dibawah pemerintahan kuku besi seperti di Yugoslavia dan tidak diperangi kerana agama atau bangsa seperti di Chechnya.
5. Sekularisme sebagai dasar pemerintahan. Tujuan utama ialah untuk menjadikan institusi pemerintah bersifat non-partisan dalam persoalan agama bagi memastikan keharmonian kaum. Walau pun Islam mempunyai kritikan terhadap sekularisme sebagai satu falsafah, namun diakui juga bahawa sekularisme di sini bukanlah seperti sekularisme yang diamalkan oleh Kamal Atarturk.
6. Masyarakat Singapura umumnya bersifat kosmopolitan, terbuka dan masyarakat perbandaran (*urban*). Ini diperkukuhkan lagi dengan hakikat globalisasi sehingga yang mempengaruhi masyarakat Islam, Singapura dan negara bukan lagi faktor dalaman atau persekitaran terdekat tetapi seluruh pelusuk alam. Keterbukaan sedemikian juga memberi peluang besar kerana sumber bagi masyarakat Islam semakin luas dan banyak.
7. Masyarakat Singapura hidup dalam suasana ekonomi membangun yang maju (*advanced developing economy*) dan pusat kewangan, walau pun masyarakat Islam Singapura agak terkebelakang dalam pencapaian ekonomi dibanding dengan masyarakat lain.

8. Umumnya masyarakat Singapura adalah mewah (*affluent*) mempunyai pendapatan kasar yang tinggi dan baik.

9. Walau pun masyarakat Islam Singapura adalah minoriti tetapi mereka dikelilingi oleh rumpun yang sama yang membentuk rumpun yang majoriti dirantau ini. Di rantau ini juga wujudnya negara Indonesia sebagai sebuah negara berpenduduk Islam yang terbesar.

10. Masyarakat Islam di seluruh rantau ini sedang mengalami kebangkitan untuk kembali kepada prinsip hidup cara Islam.

Setelah prinsip-prinsip Islam yang memandu dakwah dicernakan berdasarkan ekologi di atas, perlulah juga mengambil kira dinamika keutamaan apabila menghadapi sesuatu keadaan. Setiap keadaan menuntut pertimbangan keutamaan yang berbeza terhadap pelbagai elemen ekologi berdasarkan konsep *maslahat* dan *mudarat* dalam Islam.

### **Prinsip 5 : Menghormati Orang Lain**

Adalah menjadi lumrah bagi penganut mana-mana agama untuk meyakini kebenaran agama dan pegangannya dari yang lain. Kerana meyakini kebenaran agama Kristianlah seseorang itu memilihnya dan tidak memilih ajaran Buddha atau Islam.

Begitulah juga penganut Hindu dan Buddha. Setiap satu berkeyakinan bahawa apa yang dipercayai oleh mereka bukan sahaja benar bahkan lebih benar dibanding yang lain.

Maka umat Islam tidak perlu merasa apologetik untuk menyatakan keunggulan agamanya.

Namun, pada ketika keyakinan terhadap keunggulan Islam tidak bermakna kita boleh mencela, menghina atau memandang rendah

terhadap agama lain dan penganutnya. Keyakinan itu juga tidak sepatutnya melahirkan sikap-sikap yang kurang sopan dan penghormatan pada *standard* manusia sejagat terhadap orang lain.

Sebagai umat Islam, kita sepatutnya mampu berbeza pendirian disamping terbuka terhadap pendirian orang lain dan menghormati mereka.

Maka perbuatan seperti mempersendakan rupa bentuk tuhan-tuhan Hindu dan patung Buddha, menjadikan '*wel wel*' sebagai jenaka dan memanggil upacara kematian orang Cina dengan panggilan '*Cina mampus*' adalah perbuatan yang tidak wajar. Kalau kita mahu orang lain menghormati anjuran hijab dan keharusan poligami dalam agama kita, maka orang lain juga mengharap agar kita menghormati amalan *Hungry Ghost* di kalangan mereka.

Berikut adalah beberapa dalil yang mendasari sikap menghormati pegangan agama orang lain.

Allah taala melarang perbuatan mempersenda orang lain dalam firmanNya yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan) dan janganlah pula wanita-wanita (mengolok-olokkan) wanita-wanita yang lain kerana boleh jadi (yang diperolok-olokkan) lebih baik dari wanita (yang memperolok-olokkan)..." (Al-Hujurat : 12)*

Allah taala berfirman yang bermaksud:

*"Katakanlah 'Wahai Orang-orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku*

*sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah yang aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukku agamaku'.*" (Al-Kaafiruun : 1-6).

Surah ini bukan hanya mengajar umat Islam agar tidak mengikuti amalan keagamaan penganut agama lain tetapi juga mengajar umat Islam agar menghormati dan menjamin kebebasan mereka untuk melaksanakan amalan agama mereka - 'untukmu agamamu, dan untukku agamaku'.

Allah taala berfirman yang bermaksud:

*"Dan janganlah kamu memaki sembahhan-sembahhan yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti (mereka) akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah, tempat kembali mereka lalu Dia memberitahukan mereka apa yang dahulu mereka kerjakan."* (Al-An`aam : 108)

Ayat ini secara jelas melarang umat Islam dari memaki dan mempermainkan agama lain. Namun nilai yang tersirat dari larangan ini ialah sikap menghormati kepercayaan agama lain kerana sukar bagi seseorang untuk menjaga diri dari mempermainkan agama lain jika tiada dalam dirinya rasa penghormatan terhadap perbezaan yang ada.

Allah taala melarang paksaan dalam menganut agama Islam dalam firmanNya yang bermaksud

*"Tiada paksaan dalam agama."* (Al-Baqarah :256)

dan firmanNya lagi yang bermaksud

*"Adakah kau (Muhammad) ingin memaksa manusia sehingga mereka*

*menjadi orang-orang beriman.” (Yunus : 99)*

Sekiranya umat Islam tidak menunjukkan sikap hormati terhadap pendirian orang lain dalam beragama, mereka akan melakukan sesuatu yang akan melarikan orang lain dari Islam. Perbuatan ini pastinya tidak sejajar dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*“Permudahkan dan jangan persulitkan, berikan berita gembira dan jangan menjadikan orang lari.” (Riwayat Al-Bukhari)*

Sejarah Islam menyaksikan bahawa umat Islam boleh hidup bersama dengan aman berdasarkan prinsip keadilan dan hormat menghormati, pada tidak berkuasa dan berkuasa. Pada ketika umat Islam tidak berkuasa, sebahagian sahabat mencari perlindungan di Habsyah, negeri penduduk Kristian. Mereka bahkan menyokong Raja Habsyah ketika berlaku pemberontakan di dalam negerinya. Pada ketika berkuasa, umat Islam menjalin pakatan dengan masyarakat bukan Islam untuk hidup bersama. Atas sikap hormat terhadap agama lain, masyarakat bukan Islam dijamin kebebasan beragama, pemeliharaan rumah ibadat dan keamanan mereka setelah sesuatu negeri dikuasai.

Saidina Ali r.a memberi kebebasan kepada penyokong *Khawarij* untuk bergerak dan mengkritiknya selama mana mereka tidak mengancam keselamatan negara.

Apabila Allah taala melarang sedemikian, ia juga mengandungi anjuran agar umat Islam menghormati hak orang lain untuk tidak meyakini apa yang diyakini oleh umat Islam dan memilih agama yang dia suka. Larangan itu bukanlah hanya satu peraturan atau undang-undang kerana pelaksanaan perintah ini berdasarkan sikap hormat terhadap hak orang lain lebih berkesan dari melaksanakannya atas dasar ia adalah satu peraturan atau undang-undang.

Apabila dikatakan bahawa Islam menganjurkan umatnya agar menghormati keyakinan dan amalan penganut agama lain, ini tidak bermakna bahawa kita membiarkan mereka dalam keadaan sedemikian kerana membiarkan mereka bermakna kita menunaikan perintah berdakwah, tidak berusaha untuk berkongsi kebenaran agama kita dan tidak pula bertindak untuk mengubah keadaan. Kesemua itu adalah sikap pasif yang dicela oleh agama.

Sebaliknya Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab kecuali dengan cara yang terbaik.” (Al-`Ankabut :46)*

Jelas sekali ayat ini menyuruh kita untuk berdialog dengan Ahli Kitab. Logik akal juga menetapkan bahawa sebahagian dari ‘*cara yang terbaik*’ ialah cara yang tidak menghina dan merendahkan agama orang lain.

Tiada siapa yang suka dihina, dipandang rendah atau dipermainkan kepercayaannya. Kalau kita tidak suka perkara sedemikian dilakukan oleh orang bukan Islam terhadap kita dan agama kita, maka wajarlah kita juga tidak melakukan perbuatan yang menyakiti hati mereka ketika kita berbicara mengenai agama.

Kadangkala hati kita memberontak kerana melihat perbuatan dan kezaliman orang lain terhadap umat Islam. Lalu kita pun merasa wajar untuk melakukan perkara yang sama ke atas mereka. Dalam hal ini perlulah kita beringat bahawa dakwah bukan dilaksanakan atas rasa dendam dan marah. Apatah lagi, mereka itu bukan ‘*guru*’ yang mengajar kita atau menjadi contoh tauladan bagi kita.

Allah taala pula telah berfirman yang bermaksud:

*“Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan*

*itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antaramu dan antara dia ada permusuhan, seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia.” (Fussilat : 34) dan firmanNya lagi “Tolaklah satu kejahatan dengan sesuatu yang lebih baik. Kami lebih mengetahui apa yang mereka sifatkan.” (Al-Mukminun : 96)*

## **Prinsip 6 : Sentiasa Di Bawah Bimbingan Islam**

Akhir sekali dan tunggak yang terpenting dalam melaksanakan usaha dakwah ialah untuk sentiasa berada di bawah bimbingan Islam.

Ertinya apa yang difahami dan diamalkan dari agama ini adalah sesuatu yang muktabar kerana kesesuaiannya dengan roh dan prinsip Islam itu sendiri.

Bagi memastikan sedemikian, maka sumber pertama yang sentiasa menjadi rujukan kita dalam apa jua isu, kerja dan masalah ialah Al-Quran dan As-Sunnah. Atas dasar itu, kita mengakui betapa pentingnya untuk seseorang itu memahami kaedah dalam berinteraksi dan menggunakan kedua-dua rujukan itu. Dalam hal ini kita berpegang dengan panduan berikut:

*“Al-Quran Al-Karim dan sunnah Rasulullah s.a.w merupakan sumber rujukan bagi setiap muslim dalam memahami hukum-hukum Islam. Al-Quran hendaklah difahami mengikut kaedah-kaedah bahasa arab tanpa memberat-beratkan dan tidak membabi buta. Sunnah pula difahami melalui periwayat-periwayat hadis yang thiqah”(Usul 2 dari Usul 20, Hasan Al-Banna)*

Selain itu, kita menerima kepentingan peranan para pakar dalam agama dalam persoalan pentafsiran hukum agama. Hal ini adalah kerana setiap disiplin ilmu ada pakarnya. Maka begitulah juga ilmu yang berkaitan dengan agama.



Setiap muslim memang berhak dan bebas bercakap mengenai agamanya kerana Islam memerintah setiap muslim untuk menyebarkan ajarannya dan menjamin kebebasan bercakap. Namun ini tidak bermakna setiap orang atau muslim berotoriti untuk bercakap mengenai apa sahaja berkaitan agamanya atau merumuskan hukum dalam semua semua perkara.

Ini bukan bertujuan untuk menjadikan soal hukum agama dimonopoli oleh kelompok tertentu seperti kasta Brahmin dalam agama Hindu. Sebaliknya, ia bertujuan untuk memastikan bahawa hanya yang pakar sahaja yang menangani isu hukum dan masalah yang rumit berkaitan dengan agama. Berbeza dengan kelompok Brahmin, sesiapa sahaja boleh menjadi pakar dalam agama Islam asal sahaja dia melalui jalannya dan menguasai ilmu-ilmunya.

Oleh itu, mengamalkan Islam tanpa bimbingan mereka yang pakar mengenainya akan cenderung untuk tersasar dari kebenaran.

Dalam hal ini, kita menghargai para ulama yang pakar, dahulu dan sekarang. Kita menghargai dan menghormati pandangan ulama yang silam kerana kesolehan mereka. Khususnya para ulama dari kalangan sahabat dan yang lahir dari didikan para sahabat kerana mereka dididik langsung oleh Rasulullah s.a.w dan lebih dekat dengan zaman Rasulullah s.a.w, sehingga mereka lebih memahami roh dan prinsip agama.

Kita juga menghargai pandangan para ulama yang pakar hari ini kerana mereka lebih arif akan suasana semasa.

Kita menerima bahawa Islam sentiasa perlu diamalkan sejajar dengan realiti semasa. Kita juga akui bahawa ada di antara *ijtihad* yang silam dibuat berdasarkan konteks masanya dan mungkin tidak lagi sesuai dalam konteks tertentu atau relevan pada hari ini. Bahawa sebahagian hukum Islam berubah di sebabkan perubahan keadaan adalah satu yang

telah diakui oleh para ulama sejak dahulu lagi. Maka pegangan kita juga ialah:

*“Pendapat imam atau naibnya dalam perkara-perkara yang tidak ada nas, yang boleh menerima andaian berbagai segi yang berhubung dengan masoleh mursalah boleh diterima sekiranya tidak bertentangan dengan kaedah syara’. Kadang-kadang ia berubah menurut keadaan` uruf dan adat. Asal pada ibadat ialah ta`abbud tanpa melihat pada makna-makna dan asal pada adat ialah melihat pada rahsia, hikmat dan tujuan” (Usul 5 dari Usul 20, Hasan Al-Banna)*

Mengenai peranan para ulama masa dan masyarakat kini dalam menghadapi isu semasa, kita berpegang pada:

*“Setiap muslim yang tidak sampai ke peringkat meneliti dalil-dalil hukum cabang, boleh mengikut mana-mana imam. Elok sekiranya seseorang itu cuba berjihad sekadar yang beliau mampu bagi mengetahui dalil-dalilnya. Beliau juga hendaklah menerima setiap petunjuk yang disertai dengan dalil apabila beliau yakin dengan kebaikan dan kepada orang yang memberi petunjuk kepadanya. Jika sekiranya beliau terdiri dari kalangan orang yang berilmu, beliau hendaklah mencukupkan kekurangannya dari segi ilmu sehingga sampai ke peringkat meneliti dalil-dalil hukum.” (Usul 7 dari Usul 20, Hasan Al-Banna)*

Namun usaha para ulama dahulu tetap merupakan khazanah ilmu yang berharga. Oleh itu, mengabaikannya sama sekali atas anggapan bahawa ia tidak lagi relevan, masa telah berubah, masa kini memerlukan *ijtihad* yang tersendiri dan slogan pentafsiran semula Islam adalah tidak munasabah kerana ia mengabaikan perbendaharaan yang telah terbina sejak ratusan tahun lamanya.

Sikap kita dalam menjamin kesolehan amal dan kebenaranan kefahaman ialah perlu mengambil kira dan merujuk pada khazanah silam

di samping melihat perspektif semasa.

Ini tidak bermakna kita bertaqlid buta dengan ulama silam atau bahkan dengan ulama sezaman kerana ulama dahulu dan kini sentiasa melarang taqlid buta kerana Allah taala telah berfirman yang bermaksud:

*“Dan janganlah kau mengikuti apa yang engkau tiada pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, kesemua itu akan dipertanggungjawabkan mengenainya.” (Al-Isra’ : 36).*

Islam menyeru umatnya untuk beramal atas dasar ilmu dan kefahaman. Islam menyuruh kita sentiasa beramal dengan berfikir. Sedangkan ketika membaca Al-Quran kita disuruh berfikir, apatah pula bila berhadapan dengan pandangan para ulama yang tidak maksum. Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Apakah mereka tidakkah merenung Al-Quran atau hati-hati mereka terkunci?” (Muhammad : 24).*

Kita menggali pandangan dahulu disamping tidak membekukan akal kita dari berfikir dan peka terhadap konteks semasa dan perbezaan yang mungkin ada antara dulu dan hari ini.

Sebagai kesimpulan, kita juga berpegang dengan yang berikut:

*“Setiap orang boleh diterima dan ditolak kata-katanya melainkan Rasulullah s.a.w yang maksum. Setiap yang datang dari Salafus Soleh yang bertepatan dengan kitab Allah dan sunnah Rasulnya kita menerimanya dengan sebulat hati tetapi jika berlawanan dengan nya maka kitab Allah dan sunnah Rasulnya lebih utama diikuti. Walau bagaimana pun kita tidak sekali-kali mengecam atau mendedahkan keburukan peribadi-peribadi tertentu dalam masalah yang diperselisihkan. Kita hanya berserah kepada niat hati mereka.*

*Sesungguhnya mereka telah berlalu dengan apa yang mereka lakukan”  
(Usul 6 dari Usul 20, Hasan Al-Banna)*

# BAHAGIAN 3

## ■■■ CIRI-CIRI KELEMBUTAN ISLAM ■■■

Sebagaimana Islam adalah agama yang mudah, ia juga adalah agama yang lembut dan halus. Di antara petunjuk besar terhadap kelembutan dan kehalusan Islam ialah dalam bidang dakwah, penyebaran agama, muamalah dengan orang yang bermaksiat dan melanggar aturan.

### **Halus & Lembut Dalam Dakwah**

Sesungguhnya asas dakwah ialah kata-kata yang lembut dan halus. Sungguh pun jika yang didakwah itu seorang yang paling ingkar. Contoh dalam hal ini ialah perintah Allah taala kepada nabi Musa dan Harun a.s ketika keduanya diutus kepada Firaun. Firman Allah taala yang bermaksud

“Maka katakanlah (Musa & Harun) kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lembut. Moga-moga ia akan beringat atau takut.” (Taha : 44).

Begitu jugalah perintah Allah taala kepada nabi Muhammad s.a.w dan sekalian pendakwah sesudahnya yang bermaksud

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan contoh yang baik dan berdebatlah dengan mereka menggunakan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih tahu siapa yang sesat dari jalanNya dan dia lebih mengetahui akan golongan yang mendapat petunjuk.” (An-Nahl : 125).

Dalam ayat ini, Allah taala mengajar agar dakwah dilakukan dengan

salah satu dari tiga cara:

1. Hikmah
2. Contoh yang baik
3. Debat dengan cara yang terbaik

Dalam ayat ini Allah taala menggunakan kata sifat baik dan terbaik sebagai mengukuhkan lagi sifat lembut dan halus dalam Islam yang bertentangan dengan sifat kasar dan ganas.

Allah taala juga telah menganjurkan agar kita berdialog dengan Ahli Kitab dengan cara yang baik. FirmanNya yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab kecuali dengan cara yang terbaik kecuali golongan yang zalim di antara mereka.” (Al-Ankabut : 46).*

Walau pun di dalam Islam terdapat syariat jihad dalam menyebarkan agama, mempertahankan agama-agama, tempat-tempat suci, harga diri dan harta tetapi ia tidak bertentangan dengan sifat lembut Islam dalam berdakwah. Hal ini kerana jihad hanya dilakukan setelah jalan yang lembut dan baik sudah tidak lagi berguna.

Hakikat ini diperkuatkan dengan perjalanan dakwah Rasulullah s.a.w. Selama 13 tahun beliau diperintah agar bersabar dengan dakwah secara lembut. Hanya setelah penentang agama Islam terus mengganggu perjalanan dakwahnya, walau pun beliau telah meninggalkan Mekah, barulah beliau menggunakan jihad bagi memastikan kebebsan dakwah terus wujud.

Hatta setelah jihad disyariatkan, Rasulullah s.a.w terus mengutamakan cara yang aman untuk berdakwah. Maka sebab itu, beliau menandatangani Perjanjian Hudaibiyah.

## Sifat Lembut Islam Dalam Jihad

Apabila Rasulullah s.a.w menghantar tentera-tentera untuk operasi ketenteraan, beliau akan sentiasa memberi wasiat kepada mereka seperti sabdanya yang bermaksud:

*“Berperanglah dengan nama Allah, dan untuk jalan Allah. Perangilah mereka yang kufur terhadap Allah. Berperanglah dan jangan melampau. Jangan berkhianat. Jangan merosakkan mayat (yang terbunuh dalam peperangan). Jangan bunuh kanak-kanak. (Riwayat Muslim)*

Dalam sebuah hadits yang lain, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*“Janganlah kamu membunuh orang tua yang telah uzur dan jangan membunuh anak-anak kecil dan wanita dan janganlah melampau, kumpulkan harta peperangan, buatlah perbaikan, berlaku ihsanlah sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berbuat ihsan.” (Riwayat Abu Daud)*

Dari hadits-hadits ini dan selainnya, jelaslah akan kelembutan Islam sehingga dalam jihad sekali pun.

Dalam Jihad, Islam melarang pelaksanaannya dengan melampau dan kerana permusuhan. Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Dan perangilah mereka yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampau.” (Al-Baqarah : 190)*

Berperang dalam Islam ialah atas nilai yang tinggi dan murni – menyebarkan agama – bukan kerana perasaan marah atau dorongan permusuhan dan tidak boleh melampau. Sebab itu Rasulullah s.a.w

melarang dari merosakkan mayat yang terbunuh dalam peperangan dan membunuh kanak-kanak.

Dalam berjihad, orang Islam dituntut agar menunaikan janji terhadap golongan yang mengikat perjanjian dengan mereka dan melarang mereka dari berkhianat semata-mata kerana ia menang dalam peperangan. Allah taala berfirman yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman tunaikanlah janji-janji.” (Al-Maidah : 1)*

dan firmanNya lagi yang bermaksud:

*“Kecuali mereka yang kamu telah mengikat perjanjian dari golongan musyrikin kemudian mereka tidak mengurangi sesuatu pun janji yang diikat dengan kamu dan tidak menolong sesiapa untuk memerangi kamu, maka tunaikan kepada mereka janji sampai ke tempohnya, sesungguhnya Allah suka kepada mereka yang bertakwa.” (At-Taubah : 4)*

Allah juga memerintah agar berlaku baik dengan mereka yang tidak memerangi orang-orang Islam dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Allah tidak melarang kamu dari berlaku baik dan adil terhadap golongan yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak menghalau kamu dari rumah-rumah kamu, sesungguhnya Allah suka kepada golongan yang adil. Allah hanya melarang kamu dari menjadikan golongan yang memerangi kamu kerana agama dan menghalau kamu dari rumah-rumah kamu sebagai sekutu kamu, barang siapa menjadikan mereka sebagai sekutu, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.” (Al-Mumtahanah : 8 – 9)*

Allah taala juga menganjurkan sifat pemaaf dalam berperang. Contoh yang baik ialah sikap Rasulullah s.a.w yang memaafkan penduduk Mekah



setelah berjaya menguasainya, walau pun mereka dahulu menyakiti beliau.

### **Kelembutan Islam Terhadap Golongan Yang Bermaksiat**

Islam mengakui akan kelemahan manusia yang secara nalurinya akan melakukan kesilapan, lupa dan bermaksiat. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*“Jika kamu tidak melakukan dosa, nescaya Allah akan mendatangkan satu kaum yang akan melakukan dosa sehingga mereka dapat memohon ampun dari Allah taala dan Allah dapat mengampunkan mereka.” (Riwayat Muslim)*

Rasulullah s.a.w juga mengajar bahawa maksiat itu mempunyai pelbagai tingkatan. Setiap seorang itu harus dinilai berdasarkan jenis kesalahan yang ia lakukan bukan dengan cara pukul rata semata-mata.

Islam menolak hukuman setiap yang berdosa secara umum dengan kufur, herdikan, pukulan dan celaan kerana ia akan menjauhkan manusia dari agama.

Dalam hal ini, Allah taala telah berfirman yang bermaksud:

*“Tidakkah dengan rahmat Allah taala kamu berlembut terhadap mereka, jika kamu berkasar dan keras hati nescaya mereka akan lari dari kamu, kerana itu maafkanlah mereka dan mohonkan keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka.” (Ali Imran : 159)*

Sikap Islam terhadap mereka yang melakukan maksiat bukanlah dengan mengherdik atau mengkufurkan mereka tetapi menyeru mereka agar bertaubat, memperbaiki perjalanan hidup mereka dan menerangkan kesilapan yang telah dilakukan.

Ini adalah sebahagian dari tanda-tanda akan kelembutan Islam dalam berurusan dengan pelbagai manusia, baik muslim atau bukan.

Terdapat banyak contoh dalam sejarah Islam yang mana umat bukan Islam berbondong-bondong menganut agama Islam bukan kerana diancam atau disebabkan pedang seperti yang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu. Hatta kedapatan dalam sejarah Islam bangsa yang dahulunya memusuhi Islam tapi kemudiannya menganut agama ini kerana keindahannya seperti bangsa Monggol.

### **Ekstremisme Dicela**

Islam melarang pelampauan dan ekstremisme dalam semua perkara. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*“Musnahlah golongan ekstremis (diucapkan tiga kali).” (Riwayat Muslim)*

dan sabda beliau s.a.w lagi yang bermaksud:

*“Sesungguhnya agama itu mudah dan tiada yang melampau (dalam agama) kecuali (sifat melampau) akan memusnahkannya. Oleh itu, bersederhanalah, lakukan sesuatu mengikut kemampuan dan berikanlah berita gembira.” (Riwayat Al-Bukhari)*

Hatta dalam ibadat khusus untuk bertaqarrub kepada Allah taala pun, kita tidak dibenarkan untuk bersifat melampau.

Ini nyata dalam hadits-hadits berikut:

*“Dari Aisyah r.a bahawa Rasulullah s.a.w masuk ke biliknya dan bersamanya seorang wanita. Beliau s.a.w bertanya “Siapakah wanita ini?” Aisyah berkata ‘Dia adalah seorang wanita yang dikenali sebagai banyak solatnya’. Rasulullah s.a.w bersabda ‘Kamu hanya diperintan*

*untuk melakukan apa yang termampu sahaja. Demi Allah, Allah tidak akan penat sehingga kami sendiri penat. Sesungguhnya ibadat yang paling disukai Allah taala ialah yang sering dilakukan secara berterusan oleh seseorang.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)*

# PENUTUP

Enam prinsip yang dinyatakan di atas sebelum ini, walau pun tidak komprehensif tetapi memadai untuk menjadi kriteria asas bagi menilai sesuatu perkara itu samada berada di dalam ruang lingkup sederhana atau tidak.

Ingin dipertegaskan bahawa kriteria ini bertujuan untuk menentukan apa yang berada dalam batas-batas kesederhanaan, tetapi ia tidak dapat memastikan akan tidak wujud perbezaan antara pelbagai pandangan.

Namun dengan kriteria ini membolehkan kita mengenali perbezaan antara pandangan yang sederhana dan perbezaan antara pandangan yang sederhana dan bukan sederhana.

Keenam kriteria ini boleh dijadikan panduan dalam menilai pelbagai pandangan atau pilihan yang hendak diambil dalam sesuatu perkara dengan menjadikannya dalam format matriks yang berikut sebagai contoh;

Isu : Memperoleh Kebenaran Memakai Tudung Di Sekolah Pemerintah

	P1*	P2*	P3*	P4*	P5*
Cara yang aman					
Sesuai dengan prinsip demokrasi					
Sejajar dengan undang-undang					
Sesuai dengan konteks					
Menghormati hak orang lain					
Bersandarkan pada ajaran Islam					

P1, P2, P3, P4, P5 – merujuk pada Pandangan atau Pilihan

Apabila terdapat lebih dari satu pandangan yang menepati kriteria di atas, maka perlulah difikirkan samada kesemua pandangan itu boleh dipakai atau perlu dipilih mana yang paling banyak *maslahatnya*.

Perlulah difahami bahawa kesederhanaan dalam Islam mempunyai sifat dinamik yang berkaitan dengan faktor masa dan tempat. Ertinya apa yang dihukumkan sederhana di satu tempat atau di satu masa mungkin tidak menjadi sederhana di tempat atau masa lain. Dalam konteks individu, apa yang merupakan sederhana bagi seseorang, boleh jadi tidak sederhana bagi yang lain. Dalam konteks masalah sosial pula, sederhana itu dihukum berdasarkan tanggapan umum bukan tanggapan peribadi.

Bersederhana ertinya berada di tengah-tengah antara dua ekstrem. Untuk kekal di atas garis sederhana, memerlukan pertimbangan dan keseimbangan antara tarikan dari dua ekstrem yang ada. Ini pastinya bukan satu perkara yang mudah dan menimbulkan kepayahan bagi sesiapa yang ingin terus istiqamah di atas kesederhanaan.

Maka sebab itu, adalah mudah untuk berada di salah satu dari dua ekstrem dan susah untuk berada di tengah kerana ia memerlukan pertimbangan dan keseimbangan yang berterusan.

Namun itulah Islam sebenarnya, sentiasa seimbang. Walau pun Islam itu adalah agama yang mudah tetapi ia juga menuntut mujahadah dari penganutnya, untuk menguji siapa di antara mereka yang terbaik amalannya.

Kesolehan dalam beragama, terletak pada kesederhanaannya bukan terletak kepada sifat *matcho* dan glamornya sesuatu perkara.

Semoga Allah taala membimbing kita semua untuk sentiasa kekal di atas garis sederhana dalam beragama.

## **GLOSARI**

***Abangan*** – Muslim Indonesia yang dikenali dengan sifat liberal dan pengamalan Islam yang minimal. Seorang yang bukan pengamal agama yang kuat.

***Ahlul Halli Wal ‘Aqdi*** – Ahli badan permesyuaratan dalam negara Islam tradisional.

***Ashabul Ukhdud*** – Mereka yang dicampakkan ke dalam parit, rujuk surah Al-Buruj : 4-10.

***Ashabul Kahfi*** – Penghuni gua, rujuk surah Al-Khafi : 19-22.

***Erbakan*** – Necmettin Erbakan. Dia adalah pemimpin Parti Refah (Kebajikan). Dia menjadi Perdana Menteri Turki setelah memenangi pilihanraya pada Disember 1995. Partinya dibatalkan pendaftarannya pada 1997 dan dia terpaksa melepaskan jawatannya setelah kempen yang panjang yang dipimpin oleh pihak tentera Turki dan kuasa-kuasa yang bimbang terhadap perpecahan negara kerana kemungkinan berlakunya Islamisasi.

***Hukm qat’ii*** – Hukum yang didasarkan oleh dalil yang qat’ii / dalil yang absolut kebenarannya.

***Hudud*** – Undang-undang jenayah Islam.

***Ijtihad*** – Mengerahkan seluruh usaha untuk menghasilkan hukum Allah taala berdasarkan sumber-sumbernya (Al-Quran, Sunnah, Ijma’ dll).

***Kamal Atarturk*** – Seorang general dalam tentera Turki yang bertanggungjawab merampas kuasa dari Khalifah Utsmaniyah pada tahun 1924.

**Khawarij** – Khawarij bermakna orang-orang yang keluar dari ketaatan atau memberontak. Ia adalah nama bagi sekumpulan manusia yang keluar dari mentaati Ali r.a, Khalifah Ke empat dalam Islam. Mereka memerangi pemimpin yang benar yang darahnya halal untuk ditumpahkan di sisi mereka dan hak milik mereka halal untuk dirampas. Mereka menghukum sesiapa yang menentang mereka sebagai kafir. Mereka juga menghukum pelaku dosa besar sebagai kafir.

**Maslahat** – Manfaat, kebaikan, faedah.

**Mudarat** – Kesusahan, kesulitan.

**Muktazilahs** – Dari segi bahasa ia bermakna orang-orang yang telah memisahkan diri. Gerakan ini diasaskan oleh Wasil b. ‘Ata’ pada abad kedua hijrah (800M). Ahli-ahlinya bersepakat dalam mempercayai bahawa adalah penting untuk memberi hujah-hujah yang rasional bagi persoalan keimanan dalam Islam. Mereka menafikan bahawa Allah taala mempunyai sifat-sifat yang qadim dan mereka juga berpendapat bahawa manusia mempunyai kebebasan yang mutlak dalam tingkah laku mereka. Mereka juga mendakwa bahawa Al-Quran adalah qadim.

**Siyasah Syar’iyah** – Dasar-dasar Pentadbiran ‘Am Islam.

**Syura** – Permesyuaratan.

**Urf** – Adat, tradisi.

**Ta’taduu** – Melampau.

**“Well! well!”** – Nyanyian orang-orang hindu semasa memikul kavadi semasa Taipusam.